



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURURAWAT (BIDANG KEJURURAWATAN AM / PERBIDANAN)
(M.7-8 EB.9)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURURAWAT (BIDANG KEJURURAWATAN AM / PERBIDANAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.7-8 EB.9 (\$1,310 - \$2,315 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SERATUS LIMA (105)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Diploma dalam bidang Kejururawatan atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- ii) Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas perawatan pesakit / klien mengikut pelan tindakan jagaan perawatan;
2. Memastikan dasar-dasar kejururawatan serta amalan perawatan dijalankan dengan teratur, selamat dan sistematik;
3. Menasihati dan menunjuk ajar kepada pesakit / klien serta keluarga mengenai rawatan dan pendidikan kesihatan;
4. Mencatat laporan dan pemerhatian ke atas pesakit / klien ke dalam dokumen-dokumen yang tertentu dengan jelas dan betul;
5. Mengambil, mencatat dan mentafsir pemerhatian penting termasuk *vital signs* dan melaporkan dengan segera kepada Jururawat yang lebih kanan jika terdapat keadaan luar biasa (*abnormal findings*);
6. Melaksanakan jagaan perawatan mengikut piawaian yang ditetapkan;
7. Menyelia, membimbing, membantu dan menunjuk ajar Jururawat dan Pembantu Jururawat dalam latihan bagi memastikan penjagaan kesihatan dan perawatan pesakit / klien dilaksanakan dengan teratur, selamat dan berkesan;



8. Menentukan dokumentasi dan pengumpulan data dilaksanakan dengan tepat dan betul serta mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan; dan
9. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu bagi pemeliharaan dan kebersihan di bahagian tempat bertugas agar dikendalikan dengan teratur dan memuaskan.